

Perbezaan Makna Kata belanja, bilang dan jimat pada Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Melayu Indonesia

Roer Eka Pawinanto¹ dan Rusdi Abdullah²

1. Institut Mikroelektronik dan Teknologi Nano, Universiti Kebangsaan Malaysia
Selangor Darul Ehsan, Malaysia 43600
UKM-Bangi Campus, Tel: +603-8921 6837, Faks : +603-8921 6146
Email : roer.eka@gmail.com
2. Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
Selangor Darul Ehsan, Malaysia 43600
Email : rusdi2@ukm.my

Abstrak – Tulisan ini akan mengkaji ketiga-tiga kata kunci dari segi takrifan, contoh penggunaan dalam ayat, serta perbezaan makna kata yang lazim dalam penggunaan rasmi kedua-dua bahasa Melayu Malaysia dan Melayu Indonesia. Seterusnya akan dikaji mengenai punca wujudnya perbezaan, akibat serta cadangan untuk meyelesaikan kesalahfahaman yang terjadi. Beberapa sasaran daripada penulisan ini ialah masyarakat Indonesia di Malaysia seperti pelajar, pekerja dan pelancong yang berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu. Matlamat daripada penulisan ini antara lain: pertama ialah mengurangkan tingkat kesalahfahaman bagi pelajar-pelajar Indonesia di Malaysia yang bertutur dalam bahasa Melayu dan kedua ialah menjadikan rujukan bagi masyarakat Indonesia yang berada di Malaysia ataupun masyarakat Malaysia yang berada di Indonesia sama ada dalam masa yang singkat ataupun dalam masa yang lama. Tulisan ini meliputi beberapa perkara diantaranya; a. menambah pengetahuan terhadap perkataan, khasnya kata-kata yang sama tulisan, sama baca tetapi berbeza makna. b. mengurangkan kesalahan dalam menafsirkan katayang diucapkan oleh kedua-dua penutur daripada Indonesia dan Malaysia. c. menimbulkan keinginan untuk membiasakan diri dalam menggunakan kata-kata yang lazim terutamanya bagi para pelajar Indonesia yang sedang belajar di Malaysia.

Keywords: *Perbezaan makna, Bahasa Melayu, Perbezaan kata, belanja, bilang, Jimat.*

I. Pendahuluan

Bahasa merupakan suatu sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam persekitaran satu kumpulan manusia. Bahasa juga merupakan alat komunikasi yang digunakan manusia untuk berinteraksi dengan lainnya. Bahasa digunakan dalam pelbagai aktiviti manusia kerana manusia merupakan makhluk sosial yang sentiasa berinteraksi satu sama lain. Menurut Plato, bahasa adalah pernyataan fikiran seseorang dengan perantaraan onomata (nama benda atau sesuatu) dan rhemata (ucapan) yang merupakan cermin dari idea seseorang dalam arus udara melalui mulut.

Indonesia dan Malaysia mempunyai kaitan yang sangat erat dari segi bahasa. Kedua-dua negara ini berasaskan bahasa yang sama iaitu Bahasa Melayu yang berasal dari rumpun Proto-Malay. Walaupun berasaskan bahasa yang sama, tetapi ada perbezaan iaitu dari segi kosakata. Pada masa sekarang ini kedua bahasa tersebut diperlakukan sesuai dengan dasar kebahasaan di masing-masing negara. Namun, terdapat perhimpunan yang mengatur Bahasa Melayu iaitu Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia (MABBIM). Usaha memperukuhkan Bahasa Melayu sudah dilakukan oleh pelbagai pihak, diantaranya ialah usaha Dewan Bahasa dan Pustaka serta MABBIM mencadangkan bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi ASEAN pada awal tahun 2004.

Bahasa Melayu ditutur oleh penduduk di Malaysia dan Indonesia. Selain itu bahasa Melayu juga menjadi salah satu bahasa rasmi di Singapura. Bahasa Melayu juga dituturkan oleh penduduk Melayu di selatan Thailand, selatan Filipina, Kemboja dan Vietnam. Bahasa Indonesia dan Bahasa Melayu Malaysia mempunyai perbezaan yang sangat jelas jika dibezakan daripada segi sejarah, budaya dan perlakuan tata bahasa. Kedua-duanya boleh saling memahami, tetapi berbeza dari segi ejaan dan kosakata. Bahasa Indonesia berbeza daripada Bahasa Melayu Malaysia kerana mempunyai serapan dan pengaruh perkataan yang berasal dari Jawa, Melayu dan Belanda. Sedangkan Bahasa Melayu Malaysia juga mendapat pengaruh daripada Bahasa Inggeris.

II. Kata Belanja dalam Bahasa Melayu Malaysia dan Indonesia.

Kata *belanja*, *bilang* dan *jimat* merupakan perkataan yang digunakan dalam perbincangan sehari-hari. Tetapi kata-kata tersebut mempunyai perbezaan makna kata dalam penggunaan Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Indonesia. Berikut adalah makna kata *belanja*, *bilang* dan *jimat* dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI). Dalam Kamus Dewan edisi keempat terdapat lima jenis makna daripada kata *belanja* yang dapat dilihat pada jadual 1

Jadual 1. Takrifan kata *belanja* mengikut Kamus Dewan edisi keempat

Kata	Makna	Contoh ayat
Belanja (1)	Wang untuk membeli (membayar) sesuatu	Kerajaan telah banyak mengeluarkan <i>belanja</i> untuk kebajikan masyarakat
Belanja (2)	Wang untuk keperluan sehari-hari (untuk membeli bahan makanan)	Barang kemasnya dijual untuk dijadikan <i>belanja</i>
Belanja (3)	Wang yang dibayar sebagai upah atau gaji atas khidmat seseorang	<i>Belanja</i> bidan semalam menghabiskan RM 400
Belanja (4)	Membeli barang-barang	Ibu sedang <i>belanja</i> di pasar
Belanja (5)	Mengeluarkan wang untuk orang lain	Saya <i>belanja</i> awak

Selain itu ada istilah yang menggunakan kata *belanja* seperti *belanja dapur* yang mempunyai makna pemberian daripada pengantin lelaki kepada pengantin perempuan (walinya dan lain-lain) untuk biaya perkahwinan. *Belanja pasar* mempunyai makna wang-wang untuk membeli bahan makanan hari-hari. *Belanja hidup* mempunyai makna wang untuk membeli barang keperluan hidup. *Belanja pos* mempunyai makna wang untuk membiayai perbelanjaan mengirinkan sesuatu melalui pos.

Kata *belanja* juga mempunyai makna lain selepas kata *belanja* diberi imbuhan seperti *membelanjai* mempunyai makna mengeluarkan wang untuk orang lain atau diri sendiri. Kata *membelanjakan* mempunyai makna mengeluarkan wang untuk sesuatu keperluan. Kata *belanjaan* mempunyai makna benda-benda yang dibeli (di pasar dan lain-lain).

III. Penggunaan Kata Belanja.

Dalam bahasa Melayu Malaysia, kata *belanja* secara umum mempunyai makna wang yang dikeluarkan untuk keperluan membeli sesuatu atau untuk keperluan sehari-hari. Tetapi dalam penggunaannya sekarang ini, kata *belanja* dalam bahasa Melayu lebih lazim digunakan untuk makna wang yang dikeluarkan untuk keperluan membeli sesuatu atau untuk diri sendiri atau orang lain untuk merapatkan hubungan, contoh ayat *saya belanja awak*.

Dalam Bahasa Indonesia kata *belanja* lebih lazim digunakan untuk mengungkapkan hal-ehwal mengenai wang yang dikeluarkan untuk pelbagai keperluan atau untuk sehari-hari. Sebagai contoh, ada ayat seperti *belanja perkahwinan dia ditanggung oleh calon suaminya*. Meskipun ada juga makna kata *belanja* dalam bahasa Indonesia yang bermakna mengeluarkan wang untuk belanja orang lain, tetapi konteks dalam bahasa Indonesia bukan daripada kata *belanja* melainkan kata *membelanjai* yang lebih lazim digunakan.

III.1. Masalah yang ditimbulkan dari kesalahfahaman makna kata *belanja*.

Masalah yang timbul dari penggunaan kata *belanja* apabila makna bahasa Melayu iaitu makna mengeluarkan wang untuk orang lain digunakan dalam konteks penggunaan bahasa Indonesia iaitu orang yang hanya memahami makna kata *belanja* dalam bahasa Melayu akan keliru dalam memahami kata *belanja* ketika diminta menemani kawannya belanja tetapi tidak dibelikan apa-apa. Contoh ayat, *mahukah awak belanja dengan saya?* Apabila makna bahasa Indonesia digunakan dalam konteks penggunaan bahasa Melayu ialah orang yang hanya memahami makna kata *belanja* dalam bahasa Indonesia sahaja pada mulanya akan berasa keliru tetapi akan berasa gembira kemudian setelah orang itu membayar semua keperluannya ketika berbelanja. Contoh ayat, *saya belanja awak*.

III.2. Cadangan menyelesaikan masalah kesalahfahaman makna kata *belanja*.

Cara untuk mengatasi masalah ini dalam kedua-dua bahasa apabila akan membelanjai orang ialah menggunakan kata *membelanjai* kerana dalam kedua-dua bahasa mempunyai makna yang sama iaitu mengeluarkan wang untuk orang lain. Contoh ayat, *jom kita ke kedai, saya akan membelanjai awak*.

IV. Kata *Bilang* dalam Bahasa Melayu Malaysia dan Indonesia.

Kata *bilang* dalam Kamus Dewan edisi keempat mempunyai tiga jenis makna, yang dapat dilihat pada jadual 2

Jadual 2. Takrifan kata *bilang* mengikut Kamus Dewan edisi keempat

Kata	Makna	Contoh ayat
Bilang (1)	Hitungan, kiraan jumlah (banyak) barang	Tidak masuk <i>bilang</i> tidak masuk kira
Bilang (2)	Sebilang setiap, tiap-tiap	<i>Bilang</i> bulan tiap-tiap bulan
Bilang (3)	Cakap, bercakap	Yusuf tak <i>bilang</i> dia hendak lari

Kata *bilang* mempunyai makna berbeza apabila diberikan imbuhan, seperti kata *bilang* (1) mempunyai makna jumlah benda yang terkumpul, hitungan. *Bilangan* (2) mempunyai makna tempat kedudukan sesuatu angka dalam urutan angka yang bersiri, nombor. *Bilangan* (3) mempunyai makna kumpulan yang meliputi beberapa orang, kawasan, golongan, lingkungan. Kata *terbilang* (1) mempunyai makna dapat dihitung. *Terbilang* (2) mempunyai makna termasuk dalam sesuatu golongan (persekitaran). *Terbilang* (3) mempunyai makna terkenal, terkemuka. Kata *sebilang* mempunyai makna jumlah yang tidak ditentukan banyaknya. Kata *berbilang* mempunyai makna lebih daripada satu banyaknya, beberapa. Kata *membilang* mempunyai makna menghitung satu demi satu.

Kata *bilang* dalam KBBI mempunyai tiga makna yang dapat dilihat pada jadual 3,

Jadual 3. Takrifan kata *bilang* mengikut KBBI

Kata	Makna	Contoh ayat
Bilang (1)	Menghitung	<i>Bilang</i> untung
Bilang (2)	Beberapa	<i>Bilang</i> kali, <i>bilang</i> ratusan
Bilang (3)	Cakap	Emak <i>bilang</i> jangan pergi

Pengaruh imbuhan pada kata *bilang* ini dapat memberi makna yang sangat berbeza seperti kata *berbilang* (1) mempunyai makna menghitung. *Berbilang* (2) mempunyai makna beberapa. *Berbilang* (3) mempunyai makna perhitungan. Kata *membilang* (1) mempunyai makna menghitung (dengan menyebut satu per satu untuk mengetahui berapa banyaknya). *Membilang* (2) memperhitungkan nasib (untung, baik buruk hari). Kata *terbilang* (1) mempunyai makna dapat dihitung. *Terbilang* (2) termasuk dalam hitungan (golongan, persekitaran). Kata *bilang* (1) mempunyai makna banyaknya benda, jumlah. *Bilangan* (2) satuan jumlah. *Bilangan* (3) mempunyai makna golongan (persekitaran). *Bilangan* (4) mempunyai makna persekitaran daerah. *Bilangan* (5) mempunyai makna ramalan untung malang atau baik buruk. *Bilangan* (6) nasib yang telah tertentu, takdir.

V. Penggunaan Kata *Bilang*.

Secara amnya kata *bilang* dalam bahasa Melayu mempunyai makna iaitu mengira, menghitung dan jumlah barang. Contoh ayat, *dia bilang satu sampai dengan lima*. Makna lainnya iaitu bercakap. Contoh ayat, *emak bilang jangan pergi*. Tetapi makna bercakap tidak lazim digunakan dalam bahasa Melayu Malaysia. Makna kata *bilang* yang lazim digunakan iaitu makna mengira, menghitung dan jumlah barang.

Dalam bahasa Indonesia makna kata *bilang* lebih lazim digunakan pada makna bercakap. Contoh ayat, *ayah bilang mahu pergi kerja*. Makna mengira, menghitung atau menyatakan jumlah barang juga digunakan tetapi tidak lazim dalam penggunaannya. Bukan kata *bilang* yang digunakan melainkan kata *membilang* untuk mengungkapkan makna mengira, contoh ayat *dia sedang membilang wang tabungannya*.

v.1. Masalah yang ditimbulkan dari kesalahfahaman makna kata *bilang*.

Masalah yang timbul dari penggunaan kata *bilang* apabila makna bahasa Melayu iaitu makna mengira digunakan dalam konteks penggunaan bahasa Indonesia ialah orang yang memahami makna kata *bilang* dalam bahasa Melayu akan keliru kerana makna kata *bilang* dalam konteks ini adalah menghitung. Contoh ayat, *saya bilang bahawa dia tidak akan datang ke majlis itu*. Apabila makna kata *bilang* dalam bahasa Indonesia digunakan dalam konteks bahasa Melayu ialah orang yang memahami makna kata *bilang* dalam bahasa Indonesia akan keliru ketika ada orang yang bercakap *saya*

akan bilang jumlah kerusi di dalam dewan itu kerana orang yang memahami kata *bilang* dalam bahasa Indonesia akan berpikir bercakap *jumlah kerusi di dewan itu* pada makna ayat tadi.

V.2. Cadangan menyelesaikan masalah kesalahfahaman makna kata bilang.

Cara mengatasi masalah pada kedua-dua bahasa adalah menggunakan kata *membilang* kerana kata ini mempunyai makna yang sama dalam kedua-dua bahasa iaitu kira, hitung. Contoh ayat *saya akan membilang jumlah kerusi di dalam dewan itu*. Sedangkan kata *bilang* untuk makna bercakap sebaiknya penggunaannya ditukar menggunakan kata *membilangi*. Contoh ayat *saya tadi sudah membilangi bahawa dia tidak akan datang ke majlis itu*.

VI. Kata Jimat dalam Bahasa Melayu Malaysia dan Indonesia.

Kata *jimat* dalam Kamus Dewan edisi keempat mempunyai tiga makna yang dapat dilihat pada jadual 4

Jadual 4. Takrifan kata *jimat* mengikut Kamus Dewan edisi keempat

Kata	Makna	Contoh ayat
Jimat (1)	Cermat, hemat, tidak boros	Dalam musim kemarau ini, kita mesti <i>jimat</i> menggunakan air
Jimat (2)	Hati-hati, ingat-ingat	<i>Jimat</i> sebelum habis
Jimat (3)	Azimat	Dukun memberinya <i>jimat</i>

Pengaruh pemberian imbuhan pada kata *jimat* menjadikan sedikit perbezaan makna seperti kata *berjimat* atau *berjimat-jimat* mempunyai makna berhemat atau berhati-hati (tentang perbelanjaan wang atau penggunaan sesuatu). Kata *menjimatkan* mempunyai makna menghematkan, mengeluarkan dengan cermat. Kata *penjimatan* mempunyai makna perihal berjimat atau menjimatkan penggunaan sesuatu. Kata *penjimat* mempunyai makna orang yang jimat. Dalam KBBI, kata *jimat* mempunyai tiga makna yang dapat dilihat pada jadual 5,

Jadual 5. Takrifan kata *jimat* mengikut KBBI

Kata	Makna	Contoh ayat
Jimat (1)	Azimat	<i>Jimat</i> itu didapatnya ketika melawat ke gunung Merapi
Jimat (2)	Hemat	<i>Jimatlah</i> dalam membelanjakan wang
Jimat (3)	Teliti, cermat	Ingat <i>jimat</i> sangat cermat

Pemberian imbuhan pada kata *jimat* memberikan sedikit pengaruh seperti pada kata *berjimat (1)* yang mempunyai makna mempunyai jimat, memakai jimat. *Berjimat (2)* mempunyai makna berhemat.

VII. Penggunaan Kata Jimat.

Kata *jimat* dalam bahasa Melayu Malaysia lazimnya digunakan untuk makna cermat, hemat, tidak boros. Contoh ayat, *dalam musim kemarau ini, kita mesti jimat menggunakan air*. Sedangkan kata *jimat* yang bermakna azimat dalam bahasa Melayu Malaysia jarang digunakan atau kurang lazim. Contoh ayat, *dukun itu memberi jimat pada dia*.

Dalam bahasa Indonesia kata *jimat* lebih lazim digunakan dengan makna barang (tulisan) yang dianggap mempunyai kesaktian dan dapat melindungi pemilikinya, digunakan sebagai penangkal penyakit dan sebagainya. Contoh ayat, *jimat yang diberikan kepada dia mesti dibawa kemana-mana*. Dalam bahasa Indonesia juga ada kata *jimat* yang bermakna hemat, cermat, teliti. Tetapi makna yang ini tidak lazim digunakan dalam bahasa Indonesia.

VII.1. Masalah yang ditimbulkan dari kesalahfahaman makna kata Jimat.

Masalah yang timbul dari penggunaan kata *jimat* apabila makna bahasa Melayu iaitu hemat, cermat digunakan dalam konteks penggunaan bahasa Indonesia. Orang yang memahami makna kata *jimat* dalam bahasa Melayu akan keliru ketika ada orang yang bercakap *jimat awak disimpan di mana?* Orang yang memahami kata *jimat* dalam bahasa Melayu

akan berpikir mengapa jimat mesti disimpan kerana itu bukan kata benda, tetapi kata sifat pada makna ayat tadi. Apabila makna kata *Jimat* dalam bahasa Indonesia digunakan dalam konteks bahasa Melayu ialah orang yang memahami makna kata *Jimat* dalam bahasa Indonesia akan keliru ketika ada orang yang bercakap *saya jimat wang untuk beli buku sekolah?* Orang yang memahami kata *Jimat* dalam bahasa Indonesia akan berpikir untuk membeli buku sekolah boleh menggunakan jimat, kerana dalam konteks ini jimat bukanlah kata sifat melainkan kata benda.

VII.2. Cadangan menyelesaikan masalah kesalahfahaman makna kata *Jimat*.

Cara mengatasi masalah pada kedua-dua bahasa adalah menggunakan sebaik-baiknya kata *azimat* kerana kata ini mempunyai makna yang sama dalam kedua-dua bahasa. Contoh ayat *azimat ini mesti dibawa kemanapun*. Sedangkan kata *Jimat* untuk makna cermat, tidak boros sebaiknya penggunaannya ditukar menggunakan kata *hemat* kerana kata *hemat* bermakna sama dalam kedua-dua bahasa. Contoh ayat *sekarang ini musim kemarau, hemat airlah*.

VIII. Kesimpulan

Merujuk pada Kamus Dewan mahupun KBBI, perkataan *belanja*, *bilang* dan *Jimat* mempunyai banyak kesamaan makna. Tetapi, dengan perkembangan bahasa di masing-masing negara sangat pesat maka kata-kata tersebut mengalami perubahan dalam hal kelaziman penggunaan kata. Perkara ini tentunya menimbulkan beberapa perbezaan situasi dalam tulisan dan perbincangan, sama ada akademik mahupun bukan akademik.

Perbezaan kata dan makna dalam bahasa Melayu Malaysia dengan bahasa Indonesia memperlihatkan faktor-faktor dalam masyarakat mempunyai impak yang sangat besar untuk mempengaruhi sesebuah bahasa. Ada pergeseran dan perubahan penggunaan kata meskipun beberapa jenis maknanya terdapat dalam kamus sebagai makna yang sama diantara kedua-dua bahasa ini.

Usaha bersama diperlukan untuk saling mempertingkatkan kesefahaman terhadap bahasa kita yang sangat kaya ini. Usaha untuk penyeragaman maksud dalam keseluruhan penggunaan kata susah dilakukan. Walaubagaimanapun, kita perlulah untuk saling memahami dan menghormati bahasa satu sama lain. Kita junjung penggunaan bahasa Melayu Malaysia yang **baik dan betul** ketika di Malaysia. Begitu juga kita junjung bahasa Indonesia yang **baik dan benar** ketika kita berada di Indonesia. Bak kata pepatah **di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung**. Oleh itu, diharapkan kita boleh menjaga dan memperkukuh tamadun Melayu ini.

Rujukan

- [1] H. Ramza and R. Abdullah, Penggunaan Kata Pelita, Tambang dan Tewas dalam Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Melayu di Indonesia, *Fikiran Masyarakat*, vol. 1 n. 1 Juli 2013, pp. 1 – 8.
- [2] J. T Collins, Bahasa Melayu; Sejarah Singkat Bahasa Dunia, (Ed. Terj), (Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2005).
- [3] Anonim, Kamus Besar Bahasa Indonesia Online, <http://kbbi.web.id>, diakses 21 april 2013.
- [4] Anonim, Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Online, <http://prpm.dbp.gov.my>., diakses 21 April 2013.
- [5] Anonim, http://carapedia.com/pengertian_definisi_bahasa_menurut_para_ahli_info494.html, diakses 21 April 2013.